

11 JULAI 2018

Beli dadah guna duit raya anak

Beli dadah guna duit raya anak

Kegiatan terbongkar selepas si bapa dicekup di sebuah port penagihan

RAIHAM MOHD SANUSI

KEMAMAN

Akibat gila, seorang burih tergamak membeli dadah jenis heroin menggunakan duit raya anaknya.

Perbuatan lelaki berusia 53 tahun itu terbongkar selepas dia ditangkap bersama 86 penagih lain pada Operasi Perdana Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Negeri Terengganu Siri 4/2018 yang selama tiga hari bermula 8 Julai lalu hingga semalam.

Penolong Pengarah Kanan Penguatkuasaan dan

Keselamatan AADK Negeri Terengganu, Wan Jalani Wan Ismail berkata, bapa berkenaan yang juga penagih tegar dicekup di sebuah port penagihan dadah di kawasan bukit di Seri Bandi pada hari kedua operasi dijalankan.

Katanya, hasil soal siasat mendapati lelaki itu mengaku ambil duit raya anaknya untuk beli bahan terlarang tersebut.

"Kita rasa kecewa sebab duit raya anak telah diambil si ayah semata-mata mahu melampiasakan rasa ketagih.

"Selain itu, pada hari pertama operasi, kita turut tahan sepasang suami isteri yang khayal dadah di rumah mereka di Kerteh. Empat anak mereka yang berada di dalam rumah diserahkan kemudiannya kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk perlindungan," katanya selepas ditemui di Pejabat AADK Daerah Kemaman, di sini, semalam.



Wan Jalani (berdiri tiga, kiri) memeriksa penagih dadah yang ditahan pada hari ketiga Operasi Perdana AADK Negeri Terengganu, semalam.

Kata Wan Jalani, sepanjang operasi selama tiga hari itu, pihaknya turut menahan seorang bapa yang memiliki dua anak orang kurang upaya (OKU) sementara seorang lagi bapa mempunyai anak seramai lapan orang.

Menurut beliau, kesemua

86 penagih dadah yang ditahan berkenaan berusia dari 15 hingga 56 tahun termasuk tiga daripadanya wanita.

"Wanita berkenaan kita tahan di sebuah rumah di Kerteh. Dua daripada mereka berusia 27 tahun dan seorang lagi 28 tahun. Hasil saringan

air kencing mendapati mereka positif pil kuda.

"Di samping itu, kita turut tangkap seorang remaja lelaki berusia 15 tahun yang sudah tidak bersekolah yang didapati positif dadah. Oleh kerana remaja itu bawah umur, kita ambil langkah pen-

cegahan awal dengan menghantarnya mendapatkan rawatan di Pusat Pulih dan Rawat (CCSC) Hulu Terengganu," katanya.

Wan Jalani berkata, kesemua penagih dadah itu ditahan selepas ujian saringan dibuat ke atas seramai 90 individu Melayu di seluruh Kemaman melibatkan pemeriksaan di port penagihan dadah di Seri Bandi, Felda Cerul dan Felda Neram dan rumah-rumah yang dikenal pasti iaitu di Kerteh, Kemasik dan Chukai.

Serbuhan yang diketuai beliau melibatkan seramai 59 anggota keseluruhannya dari semua daerah di negeri ini termasuk dari ibu pejabat AADK dan turut disertai Ketua Cawangan Penguatkuasaan AADK Negeri Terengganu, Muhammad Che Ismail dan Ketua Pegawai AADK Kemaman, Lokmah Hakim Othman.